

PAS: Jangan jadikan keputusan Mufti Pulau Pinang isu politik
The Malaysian Insider
16 Ogos, 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 16 Ogos — Seorang pemimpin PAS pusat hari ini meminta semua pihak khususnya parti-parti politik agar menghormati keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang yang melarang bacaan al-Quran menggunakan pembesar suara pada waktu subuh.

Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional PAS pusat, Dr Mujahid Yusuf Rawa (gambar) berkata keputusan itu dibuat mengikut peraturan-peraturan ditetapkan.

Justeru jelas beliau, keputusan yang dibuat itu tidak perlu dipertikai atau dieksploitasikan.

"Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang tentang larangan di atas perlu dihormati oleh setiap rakyat negeri Pulau Pinang secara khusus dan rakyat Malaysia secara umum. Ini kerana berlandaskan kepada beberapa perkara termasuk Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang adalah sebuah institusi yang berautoriti membuat keputusan dalam hal yang bersangkutan dengan hukum-hukum Islam yang diajukan kepada Pejabat Mufti.

"Keputusan jawatankuasa itu yang terdiri daripada para ulama yang diiktiraf kelayakan mereka tidak membuat keputusan di atas hawa nafsu apatah lagi dengan dorongan politik atau campur tangan politik," katanya dalam satu kenyataan.

Mujahid yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar berkata keputusan itu perlu diterima dengan hati yang terbuka.

"Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang mempunyai cara dan prosedur tertentu untuk sampai kepada sesuatu ketetapan, selagi ia mengikut proses dan prosedurnya, semua pihak perlu akur dan menghormati keputusan ini.

"Saya menyeru kepada semua pihak khususnya yang mempunyai agenda tersembunyi supaya tidak mengeksploitasikan isu ini sehingga membutuhkan mata kepada isu pokok yang diperbincangkan di sini," katanya.

Jelas beliau, media juga sepatutnya menghentikan memperbesarkan isu itu kerana ia boleh memberikan gambaran yang tidak elok terhadap institusi agama Pulau Pinang.

"Saya khawatir jika pihak media terus memainkan isu ini nama baik institusi mufti akan dicemari oleh orang yang penting diri untuk kepentingan sempit mereka.

"Golongan ini juga dituntut supaya tidak double standard dalam memberikan penilaian mereka kepada isu ini," katanya yang juga ahli jawatankuasa kerja PAS pusat.

Baru-baru laporan media menyebut Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang melarang bacaan al-Quran menggunakan pembesar suara pada waktu subuh.

Ketika beberapa pihak termasuk Umno membantah langkah itu Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mufti Perlis Dr Juanda Jaya dan bekas Mufti Perlis Prof Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin menyokong langkah itu.

Mufti Pulau Pinang Datuk Seri Hassan Ahmad menegaskan larangan terhadap masjid atau surau di negeri itu menggunakan pembesar suara untuk bacaan al-Quran sebelum subuh

adalah berlandaskan hukum syarak dengan nas-nas yang sahih.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-jangan-jadikan-keputusan-mufti-pulau-pinang-isu-politik/>